

**PROGRAM PELAJAR CEMERLANG MATRIKULASI  
BAWAH SKIM LATIHAN TENAGA PENGAJAR PROGRAM MATRIKULASI  
TAHUN 2025**

**PENGENALAN PROGRAM**

Program PPC Matrikulasi ini telah dilaksanakan sejak tahun 2006 dengan penghantaran pelajar ke United Kingdom di universiti seperti King's College London, University of Birmingham dan University of Manchester bagi mengikuti pengajian dalam bidang *Science, Technology, Engineering* dan *Mathematics* (STEM). Pelajar akan menerima Biasiswa Perguruan Persekutuan KPM yang merangkumi semua kos semasa pengajian di universiti serta elaun sara hidup dan lain-lain elaun sepanjang perjanjian.

Bagi tahun 2024 permohonan dibuka untuk pelajar tahun akhir sesi 2024/2025 dalam bidang Kimia, Biologi, Fizik, Matematik, Sains Komputer, Perakaunan dan Bahasa Inggeris.

Calon akan berpeluang melanjutkan pengajian di universiti terkemuka di negara Australia dan New Zealand bagi pengajian dalam bidang STEM dan Perakaunan. Bagi pengajian Bahasa Inggeris calon akan ditempatkan di United Kingdom dan Universiti Malaya/ Universiti Kebangsaan Malaysia bagi pengajian dalam negara.

Calon yang telah menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda dan Ikhtisas (Diploma Pascasiswazah Pendidikan) akan berkhidmat sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di kolej matrikulasi KPM.

**Syarat-syarat permohonan Program PPC Matrikulasi bawah SLTPPM adalah seperti berikut:**

**Syarat Am**

1. Terbuka kepada semua pelajar tahun akhir yang sedang mengikuti pengajian di Program Matrikulasi KPM.
2. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan gred minimum kepujian bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan Matematik.
3. Memperoleh sekurang-kurangnya Band 4 dalam Malaysian University English Test (MUET).
4. Mencapai skor minimum lapan dalam penilaian kokurikulum.
5. Tiada rekod disiplin.
6. Sihat tubuh badan.

### **Syarat Khas Bidang STEM/ Perakaunan ke Luar Negara**

1. Minimum PNG 3.5 dalam Peperiksaan Semester Program Matrikulasi (PSPM) Semester I Program Dua Semester atau Semester III Program Empat Semester;
2. Minimum gred A- keputusan PSPM dalam bidang yang dimohon dan minimum gred B keputusan SPM dalam bidang yang dimohon (Matematik Tambahan/ Fizik/ Kimia/ Biologi/ Sains Komputer/ Perakaunan); dan
3. Mendapat keputusan minimum gred B bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dan minimum gred B2 bagi *Common European Framework of Reference* (CEFR) peringkat SPM;

### **Syarat Khas Bidang Bahasa Inggeris Ke Luar Negara Dalam Negara**

1. Minimum PNG 3.5 dalam Peperiksaan Semester Program Matrikulasi (PSPM) Semester I Program Dua Semester atau Semester III Program Empat Semester.
2. Minimum gred A bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dan CEFR gred B2 peringkat SPM.

### **Syarat Khas Bidang Bahasa Inggeris Dalam Negara**

1. Minimum PNG 3.0 dalam PSPM Semester I Program Dua Semester atau Semester III Program Empat Semester.
2. Minimum gred A bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dan CEFR gred B2 peringkat SPM.
3. Calon perlu memohon program Ijazah Pendidikan TESL di UM/ UKM melalui UPUOnline dalam senarai pilihan utama (pilihan 1 dan 2 sahaja).
4. Calon perlu lulus ujian MEdSI dan temu duga serta memenuhi syarat lain yang ditetapkan UM/ UA berkenaan.

### **Makluman Penting:**

- a) Permohonan dibuka dari **10 hingga 19 Februari 2025** secara dalam talian melalui pautan <http://apps.matrik.edu.my/sltppm>.
- b) Taklimat permohonan PPC Matrikulasi akan diadakan pada **14 Februari 2025** bermula jam 3.00 petang melalui saluran Youtube Jommasukmatriks
- c) Calon boleh menyemak status panggilan Ujian Kelayakan Calon Guru (e-UKCG) dan Ujian Kecergasan Fizikal (UKF) sebelum **21 Februari 2025** di pautan <http://apps.matrik.edu.my/sltppm>. Ujian e-UKCG akan dilaksanakan secara dalam talian pada **24 Februari 2025** melalui capaian <https://ukcg.moe.gov.my>.
- d) Semua calon yang telah menduduki e-UKCG dikehendaki menjalani UKF di kolej masing-masing pada **27 Februari 2025** (kecuali KMS pada 28 Februari 2025).
- e) Sesi temu duga akan dilaksanakan di pusat yang akan ditetapkan oleh KPM pada **10 hingga 14 Mac 2025** bagi pelajar yang melepasi saringan e-UKCG dan UKF.



- f) Calon perlu menghantar salinan dokumen peribadi seperti dalam senarai semak dokumen **sebelum 10 Mac 2025** melalui <https://bit.ly/DokumenIV2025>.
- g) Permohonan yang tidak lengkap dan tidak menepati syarat-syarat di atas tidak akan dipertimbangkan.
- h) Calon jaya PPC Matrikulasi perlu memenuhi **syarat-syarat wajib** seperti yang berikut:
- Diterima masuk ke universiti dalam/ luar negara yang ditetapkan oleh KPM;
  - Disahkan sihat melalui Laporan Pemeriksaan Kesihatan oleh Hospital/ Klinik Kerajaan atau swasta ;
  - Memperoleh keputusan minima 6.5 dalam *International English Language Testing System (IELTS)\**;
  - Hadir dan Lulus Kursus Persediaan Pelajar PPC Matrikulasi selama satu (1) bulan di pusat yang ditetapkan oleh KPM\*; dan
  - Bagi pemohon bidang BI ke luar negara calon perlu mencapai PNGK minima 3.5 dalam PSPM untuk menerima Biasiswa Perguruan Persekutuan\*.
- \*Nota: Bagi permohonan PPC Matrikulasi ke luar negara sahaja
- i) Permohonan dianggap tidak berjaya sekiranya anda tidak dihubungi dalam tempoh 10 bulan selepas tarikh tutup permohonan.
- j) Sila rujuk soalan lazim yang disediakan di laman web <http://apps.matrik.edu.my/sltppm> untuk maklumat lanjut berkaitan.
- k) Lain-lain pertanyaan berkenaan Program PPC Matrikulasi bawah SLTPPM boleh hubungi:

## **BAHAGIAN MATRIKULASI SEKTOR PEMBANGUNAN PELAJAR**

Cik Ruzita binti Mohamed Yacob

Tel.: 03-8884 4039/ E-mel: [ruzita.myacob@moe.gov.my](mailto:ruzita.myacob@moe.gov.my)

En Ahmad Zul Fadhli bin Abdul Mujib

Tel: 03-8884 4031/ E-mel: [zul.fadhli@moe.gov.my](mailto:zul.fadhli@moe.gov.my)

Sebarang masalah berkaitan e-UKCG & temu duga hubungi:

Tel: 03-8312 6768/ E-mel: [jpp@ipgm.edu.my](mailto:jpp@ipgm.edu.my)

**PROGRAM PELAJAR CEMERLANG MATRIKULASI  
BAWAH SKIM LATIHAN TENAGA PENGAJAR PROGRAM MATRIKULASI KPM  
TAHUN 2025  
SENARAI SEMAK DOKUMEN**

1.	Slip Temu Duga	
2.	Borang Permohonan	
3.	<i>Resume</i>	
4.	Kad Pengenalan (bawa KP sebenar semasa temu duga)	
5.	Sijil / Slip keputusan SPM	
6.	Sijil/ Pernyataan Keputusan English CEFR (SPM)	
7.	Slip/ Sijil keputusan MUET	
8.	Sijil Berhenti / Surat Akuan Sekolah	
9.	Pelaporan Pentaksiran Aktiviti Jasmani Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) semasa di sekolah	
10.	Sijil-sijil pelibatan kurikulum / kokurikulum	
11.	Surat Perakuan Kelakuan Baik <a href="https://bit.ly/PerakuanBaik">https://bit.ly/PerakuanBaik</a>	

Dokumen di atas **wajib** di muat naik melalui capaian berikut:



<https://bit.ly/DokumenIV2025>

Pastikan dokumen berformat **PDF** sahaja yang dimuat naik dengan saiz fail tidak **melebihi 10MB** dan disusun mengikut turutan di atas.

Namakan tajuk fail sebagai **NAMA\_NOMATRIK.pdf**

Calon yang telah lulus UKCG, **WAJIB** memuat naik dokumen tersebut **sebelum 10 Mac 2025**. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.

**Sediakan folder dan dokumen (disahkan) disusun mengikut senarai di atas dan serahkan kepada urus setia temu duga.**